

Lonjakan Indeks Komposit bukti keyakinan pelabur

Oleh AZRAN FITRI RAHIM

ALOR GAJAH 10 April - Lonjakan Indeks Komposit (IK) Bursa Malaysia ke paras tertinggi dalam tempoh 13 tahun semalam membuktikan keyakinan tinggi pelabur terhadap ekonomi negara, kata Datuk Seri Najib Tun Razak.

Menurut Timbalan Perdana Menteri, lonjakan itu juga adalah hasil usaha kerajaan melakukan perubahan dalam syarikat-syarikat milik kerajaan (GLC) dan kelancaran perjalanan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

"Ia (IK) punya prospek amat baik, kita telah memulakan usaha seperti proses reformasi GLC umpamanya. (Justeru) syarikat-syarikat kerajaan sekarang ini lebih baik kedudukan pengurusan dan keuntungan mereka.

Uma - 11/4/2007.

Indeks Komposit punya prospek amat baik, kita telah memulakan usaha seperti proses reformasi GLC umpamanya. Justeru syarikat kerajaan sekarang ini lebih baik kedudukan pengurusan dan keuntungan mereka

"Ini bererti bahawa GLC sebagai sebuah syarikat yang disenaraikan sahamnya lebih menarik mengikut perhitungan pelabur dari dalam mahupun luar negara," katanya kepada pemberita selepas menyempurnakan Majlis Pecah Tanah Perkampungan Generasi Kedua di Felda Tun Ghafar Menggong di sini hari ini.

Turut hadir Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd. Ali Rustam, Pengerusi Felda, Tan Sri Dr. Yusof Noor, Pengurus Besar Felda,

Datuk Ahmad Tarmizi Alias dan calon BN, Lai Meng Chong.

Pada majlis tersebut, Timbalan Perdana Menteri turut menyampaikan geran tanah kepada 95 orang generasi kedua peneroka Felda Tun Ghafar Menggong.

Akhbar hari ini melaporkan IK Bursa Malaysia semalam melonjak ke paras tertinggi dalam tempoh 13 tahun berikutan meningkatnya kemasukan para pelabur asing dalam pasaran tempatan dan keadaan

NAJIB TUN RAZAK
Timbalan Perdana Menteri

an ekonomi negara yang terus kukuh.

IK ditutup tinggi sebanyak 19.44 mata ke paras 1,298.36 mata selari dengan kenaikan yang dialami oleh bursa-bursa saham serantau lain seperti Singapura, Thailand, Hong Kong dan Shanghai.

Najib berkata, faktor kedua yang menyebabkan IK melonjak ke paras tertinggi adalah disebabkan kelancaran projek RMK-9 yang memberi peluang kepada syarikat untuk mendapatkan kontrak.

"Banyak syarikat boleh dapat kontrak dan prestasi mereka lebih baik dan ini pun meyakinkan pelabur terhadap prestasi syarikat tersebut.

"Pengurusan ekonomi negara amat baik dan dapat meletakkan asas pengurusan yang lebih stabil dan kukuh. Ini menyebabkan pelabur-pelabur lebih yakin untuk melabur di pasaran Malaysia," katanya.